

Sekitar Pilihanraya Kelantan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Kerjasama BN, Berjasa untuk mengekekalkan paduan Melayu

BALING, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini kerjasama antara Barisan Nasional dan Berjasa di Kelantan adalah bertujuan untuk mengekalkan paduan orang-orang Melayu negeri itu.

Katanya, kerjasama tersebut adalah menyeluruh demi paduan rakyat serta kebaikan dan pembangunan negeri Kelantan.

Kita tidak mahu melihat orang-orang Melayu yang telah berpecah dua itu terus berpecah menjadi tiga golongan akibat persengketaan antara pemimpin-pemimpin pas yang membawa kepada pemuliharaan Berjasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis diskusi politik Umno bahagian-bahagian Btling, Padang Beral dan Kulim/Bandar Bahru di Sekolah Kebangsaan Kupang, tujuh batu dari sini.

Beliau menekankan bahawa



DR. MAHATHIR

Umno menyokong Datuk Mohamed Nasir kerana Barisan Nasional tidak bermusuhan dengannya.

Sebarang permusuhan antara Umno dan Berjasa hanya akan membawa kehancuran kepada paduan rakyat Kelantan, tambah Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden Umno.

Beliau menolak dakwaan bahawa kerjasama antara Barisan Nasional dan Berjasa adalah semata-mata untuk mempasti-

kan kemenangan calon-calon Barisan Nasional dalam pilihanraya Negeri Kelantan pada 11 Mac ini.

Katanya, Barisan Nasional tetap akan bekerjasama dengan Berjasa untuk menubuhkan kerajaan campuran di Kelantan walaupun Umno mendapat majoriti terbesar dalam pilihanraya itu nanti.

"Umno tidak gila kuasa," tegasnya, "tetapi kita juga tidak mahu melihat terubuhnya sebuah kerajaan yang sanggup mengadakan tiga suku daripada Negeri Kelantan kepada orang asing."

Beliau berharap perpecahan paduan di kalangan orang-orang Melayu di Kelantan tidak akan berjangkit ke Negeri Kedah.

Katanya, orang-orang yang tidak setuju dengan tindakan pemimpin-pemimpin Pas hendaklah menyokong Umno demi paduan orang-orang Melayu dan juga agama Islam.

Beliau menambah, "kita tidak pernah bermusuhan dengan ahli-ahli Pas kerana kita tahu mereka terpaksa mengikuti arahan daripada pemimpin-pemimpin mereka yang tidak jujur dan berjangkung semata-mata untuk kepentingan diri mereka sahaja."

Menurutnya, pemimpin-pemimpin Pas yang jujur dan benar-benar berjuang untuk bangsa dan agama telah pun keluar dari parti Berjasa kerana mereka telah sedar tentang tindak-tanduk pemimpin-pemimpin lain.

Katanya, pemimpin-pemimpin Pas yang mengaku diri mereka sebagai pejuang Islam hanya menggunkan agama Islam untuk memecah-belahkan paduan orang-orang Melayu dan umat Islam sabagai kepentingan diri mereka sendiri.

"Ini jelas dengan teringatnya ramal pemimpin Pas yang kita kita tidak boleh diterima oleh rakyat Negeri Kelantan, termasuk Datuk Mohamed Aeri, daripada dicalon semula untuk bertanding dalam pilihanraya negeri itu pada bulan depan. — Bernama

No. Siri: 1228

No. Pen: 899/80

Mahathir arah kaji tanaman bawang besar2an

SIK, (Kedah), Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan Jabatan Pertanian Negeri Kedah membuat kajian tentang kemungkinan melaksanakan rancangan tanaman bawang merah secara besar-besaran di negeri ini.

Katanya, menurut satu penyelidikan yang dijalankan bawang merah didapati sesuai ditanam di seluruh negara.

Oleh hal yang demikian, tambahnya, Jabatan Pertanian negeri perlulah mengambil dayausaha untuk menggalakkan para petani menanam bawang merah di kawasan mereka secara percubaan.

Sekiranya rancangan tersebut berjaya, ia bukan sahaja akan dapat mengurangkan pergantungan negara kepada negara-negara lain bagi bekalan bawang merah tetapi juga memberikan pendapatan tambahan kepada para petani.

Berkesan

Di samping itu, rancangan tersebut juga akan menjamin bekalan bawang merah yang tidak putus serta menstabilkan harganya, katanya kepada para pemberita selepas mendengar taklimat pembangunan daerah Sik yang disampaikan oleh pegawai daerah itu, Encik Mohamad Nor Din, di sini hari ini.

Dato Seri Dr. Mahathir juga mengarahkan Jabatan Pertanian supaya memainkan peranan yang lebih berkesan bagi membaiki taraf hidup para petani di negeri ini.

Katanya, jabatan tersebut patut menyemak semula penggunaan tanah terutama kawasan-kawasan kampung di negeri ini dan menentukan

agar kawasan tersebut digunakan sepenuhnya untuk menambah pendapatan mereka.

Pada masa ini terdapat banyak kawasan tanah kampung yang tidak diusahakan sama sekali oleh tuan-tuanpunya tanah, tegasnya.

Katanya, di daerah Sik umpamanya terdapat kawasan kampung seluas 15,434 ekar yang didiami oleh 7,918 keluarga penduduk berjumlah 47,198 orang.

Sebahagian besar daripada kawasan tersebut tidak digunakan langsung dan ini sangat merugikan bukan sahaja kepada tuan-tuanpunya tanah itu sendiri bahkan juga kepada pembangunan negeri ini.

Keadaan seperti itu perlu dibaliki dengan segera untuk memastikan dasar ekonomi baru kerajaan dapat mencapai kejayaan sepenuhnya.

Katanya, Jabatan Pertanian hendaklah memilih beberapa buah kampung dan menunjukkan kepada penduduk-penduduk kampung berkenaan bagaimana mereka boleh mendapatkan perolehan tambahan sekiranya mereka mengusahakan tanah-tanah yang terbiar itu.

Segera

Bagaimanapun, Dato Seri Dr. Mahathir mengingatkan pegawai-pegawai pertanian supaya jangan memberi perhatian kepada satu jenis tanaman sahaja kerana ini hanya akan membawa kepada kejatuhan harga bahan itu.

Beliau juga menyatakan rasa kurang puashatinya terhadap perjalanan Jabatan Pertanian di negeri ini dalam usaha-usaha pembangunan.

"Pengaroh Pertanian Negeri Kedah hendaklah memastikan pegawai-pegawai pertanian di seluruh negeri ini memainkan peranan masing-masing dengan lebih berkesan lagi untuk menjamin semua rancangan pembangunan pertanian dilaksanakan dengan jaya", tegasnya.

Dato Seri Dr. Mahathir, yang juga Pengerusi Fima mengumumkan bahawa Fima akan menjalankan projek perintis tanaman padi yang menggunakan jentera-jentera moden di sebahagian daripada kawasan 2,000 ekar yang diuntukkan kepadanya di Sungai Semiar, dekat sini.

Projek tersebut akan dijalankan di kawasan paya yang terdapat di situ, katanya.

Sekiranya perusahaan tanaman padi secara ladang itu boleh mendatangkan perolehan yang lebih daripada yang diusahakan oleh para petani, projek itu akan diperkenalkan kepada mereka. — Bernama.

1229
900/80